

'PAS tak akan benarkan PM menang tanpa bertanding'

MM 20 JUL 1966

KOTA KINABALU 19 Julai — PAS tidak akan biar Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menang tanpa bertanding di kawasan Kubang Pasu dalam pilihanraya ini, Yang Dipertuanya, Haji Yusuf Rawa berkata hari ini.

Serentak dengan itu Naib Yang Dipertua PAS, Haji Nakhaci Ahmad pula mencabar Perdana Menteri, Setiausaha Agung UMNO, Datuk Sanusi Junid dan Ketua Pemuda, Encik Anwar Ibrahim untuk bertanding di mana - mana kawasan di Wilayah Persekutuan.

Bercakap kepada para

pemberita selepas perjumpaan dengan anggota - anggota PAS Sabah di Hotel Hyatt petang ini, Haji Yusuf Rawa berkata PAS akan menentukan supaya Datuk Sri Dr. Mahathir tidak menang tanpa bertanding dalam pilihanraya walau di mana saja beliau menjadi calon.

"Kami juga tidak akan biarkan pucuk pimpinan UMNO yang lain menang tanpa dicabar," kata beliau.

Bagaimanapun, menurut Haji Yusuf, keputusan siapa yang akan menentang

Perdana Menteri atau pucuk pimpinan negara yang lain akan ditentukan oleh ibu pejabat parti, beberapa hari lagi sebelum hari penamaan calon.

Seorang lagi Naib Yang Dipertua PAS, Haji Hadi Awang yang turut hadir di majlis tersebut berkata beliau sanggup menerima cabaran Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Yusuf Noor supaya beliau bertanding di mana - mana kawasan Parlimen di Terengganu.

"Saya bukan sahaja ber-

ani menentang Dr. Yusuf Noor, malah Dr. Mahathir sendiri kalau itu yang diarahkan oleh parti."

Haji Hadi dan Haji Yusuf Rawa enggan memberitahu para pemberita di mana mereka akan bertanding dalam pilihanraya ini.

Mereka juga enggan memberitahu siapa yang akan menentang Datuk Sri Dr. Mahathir dan sama ada Haji Hadi akan bertanding di kawasan Dewan Negeri sahaja atau akan turut bertanding di kawasan Parlimen.